

Taiwan mahu wujud FTA dengan Asean

Oleh Norliza Abdullah

BH 26/7/03

TAIWAN mahu mewujudkan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Asean kerana langkah itu mampu mempercepatkan liberalisasi perdagangan di Asia Timur, sekali gus memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

Timbalan Menteri Hal-Ehwal Ekonomi Taiwan, Steve Chen Ruey-Long, berkata oleh kerana Taiwan adalah salah sebuah kuasa ekonomi di Asia, tiada sebab mengapa lingkungan kerjasama ekonomi Asean di bawah Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) tidak boleh dikembangkan bagi meliputi Taiwan.

"Saya yakin FTA Asean-Taiwan akan meningkatkan kekayaan dan kestabilan serantau," katanya.

Beliau berkata demikian selepas berucap pada Forum Perniagaan Taiwan Asean 2003 di Hotel Nikko, Kuala Lumpur semalam.

Hadir sama, Presiden Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli), Mirzan Mahathir.

Forum bertemakan 'Mengukuhkan Kerjasama Ekonomi di Era WTO' itu adalah anjuran Asli dan Institut Penyelidikan Ekonomi Taiwan.

Ia bertujuan memberi pemahaman lebih meluas kepada pelabur Taiwan mengenai potensi Asean yang boleh menghasilkan lebih banyak pelaburan Taiwan di Malaysia dan rantau ini.

Chen berkata, Taiwan adalah antara tiga pelabur asing berpotensi di Asean.

Faktor itu memberi peluang kepada Taiwan untuk membentuk jalinan hubungan yang lebih kukuh.

"Taiwan dan Asean terutama Malaysia mempunyai banyak persamaan terutamanya dalam penumpuan kepada penghasilan komponen elektrik dan elektronik," katanya.

Chen berkata, Taiwan yang menjadi anggota Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) sejak dua tahun lalu, yakin perkongsian dengan Asean mampu mewujudkan hubungan lebih rapat dengan negara individu di rantau ini.

Bagi tempoh suku pertama tahun ini, Taiwan adalah pelabur keem-

pat terbesar di Asean selepas Jepun, Singapura dan Amerika Syarikat.

Nilai dagangan antara Asean dan Taiwan sepanjang tahun lalu adalah RM123 bilion.

Angka itu mewakili 13.3 peratus perdagangan keseluruhan Taiwan.

Jumlah pelaburan Taiwan di Asean sepanjang tahun lalu pula adalah bernilai RMRM160 bilion.

Sementara itu, Mirzan ketika diminta mengulas mengenai FTA di antara Taiwan dan Asean itu berkata, langkah itu akan memberi peluang kepada negara anggotanya terutama Malaysia untuk mengukuhkan ekonomi.

Beliau berkata, kerjasama itu dijangka memberi peluang kepada kedua-dua pihak dalam meningkatkan jumlah dagangan di samping bertukar kepakaran dan teknologi.

"Usaha itu dilihat sebagai langkah mengukuhkan kedudukan ekonomi negara di Asean terutama Malaysia dalam usahanya menstabilkan ekonomi selepas krisis kewangan pada 1997/1998," katanya.